

PANDUAN PENGEMUKAAN PERMOHONAN

A.	KEPERLUAN UMUM										
1.	Pemohon boleh memuat turun senarai semak dokumen permohonan dan borang-borang berkaitan melalui sesawang http://www.mpag.gov.my/ms/mpag/sumber/muat-turun-borang										
2.	Pemohon perlu memastikan dokumen dalam sistem <i>online</i> dan juga <i>hardcopy</i> lengkap sebelum membuat penyerahan di kaunter OSC. Pastikan setiap ruang/lajur ‘PSP/SP’ ditandakan (✓) atau (TB) bagi yang tidak berkaitan.										
3.	Tajuk cadangan permohonan di sistem <i>online</i> dan <i>hardcopy</i> yang mengandungi Nama Projek, No. Lot dan Mukim perlu diisi dengan tepat.										
4.	Semua laporan dan pelan perlu disedia dan diperakui oleh Orang Yang Mengemukakan (<i>Submitting Person</i>) / Orang Yang Berkelayakan (<i>Competent Person</i>)										
B.	DOKUMEN ONLINE										
5.	Semua dokumen dan pelan yang dimuatnaik dalam sistem <i>online</i> hendaklah di dalam format digital *PDF* sahaja dan lengkap ditandatangani . Kegagalan pemohon memuatnaik akan menyebabkan dokumen tidak dapat diproses oleh Urusetia OSC.										
6.	Semua dokumen seperti yang disenaraikan di dalam senarai semak hendaklah di muatnaik satu persatu dan tidak dizipkan di dalam satu folder di dalam sistem <i>online</i> .										
C.	DOKUMEN HARDCOPY										
7.	Pemohon perlu mengemukakan salinan <i>hardcopy</i> selewat-lewatnya tiga (3) hari selepas permohonan lengkap di sistem <i>online</i> . Permohonan akan dibatalkan sekiranya pemohon gagal mengemukakan <i>hardcopy</i> dalam tempoh tersebut.										
8.	Dokumen <i>hardcopy</i> perlu disusun mengikut urutan dalam senarai semak permohonan.										
9.	Setiap helaian dokumen dan pelan <i>hardcopy</i> hendaklah dilengkapkan dengan tandatangan asli (<i>original</i>) , dilipat, disusun mengikut no.pelan dan dijilid dengan kulit tebal (sekiranya lebih dari sehelai) berdasarkan saiz A4. Tandatangan scan tidak dibenarkan bagi mengelakkan risiko dokumen tidak sahih.										
10.	Setiap helaian pelan perlu disediakan ruang untuk pengesahan dibahagian atas penjuru kanan.										
D.	PEMBAYARAN										
11.	Bagi pembayaran melalui cek, pemohon perlu memastikan tarikh pada cek adalah 2 hari sebelum tamat tempoh sah laku .										
12.	Bagi pembayaran secara online, pemohon perlu memuatnaik bukti pembayaran dalam sistem online. Pemohon juga perlu mengasingkan pembayaran fi dan deposit (sekiranya berkaitan).										
E.	WAKTU OPERASI PEJABAT										
13.	<p>Waktu penyerahan permohonan di kaunter OSC adalah seperti berikut :</p> <table style="margin-left: 20px;"> <tr> <td>▪ Isnin -Khamis : 8.00 pagi</td> <td>- 1.00 petang</td> </tr> <tr> <td></td> <td>2.00 petang - 5.00 petang</td> </tr> <tr> <td>▪ Jumaat : 8.00 pagi</td> <td>- 12.15 tengahari</td> </tr> <tr> <td></td> <td>2.45 petang - 5.00 petang</td> </tr> <tr> <td>▪ Sabtu- Ahad : Tutup</td> <td></td> </tr> </table> <p>Pemohon perlu hadir selewat-lewatnya 30 minit lebih awal sebelum tamat waktu operasi pejabat.</p>	▪ Isnin -Khamis : 8.00 pagi	- 1.00 petang		2.00 petang - 5.00 petang	▪ Jumaat : 8.00 pagi	- 12.15 tengahari		2.45 petang - 5.00 petang	▪ Sabtu- Ahad : Tutup	
▪ Isnin -Khamis : 8.00 pagi	- 1.00 petang										
	2.00 petang - 5.00 petang										
▪ Jumaat : 8.00 pagi	- 12.15 tengahari										
	2.45 petang - 5.00 petang										
▪ Sabtu- Ahad : Tutup											